

24 AUG 1998

Mahathir-Komanwel

PERSIAPAN UNTUK SUKAN KOMANWEL BUKAN PEMBAZIRAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata persediaan untuk menganjurkan Sukan Komanwel Ke-16 bukanlah satu pembaziran kerana kemudahan yang disediakan itu boleh digunakan untuk acara-acara lain pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata perbelanjaan untuk membina apa yang dianggap sesetengah pihak sebagai "projek mega" untuk Kuala Lumpur '98, seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, rangkaian jalan raya, stadium dan Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) tidaklah begitu besar.

"Saya ingin jelaskan bahawa kosnya cuma satu perempat daripada kos membina Lapangan terbang Hong Kong, iaitu tidak sampai AS\$5 bilion," katanya ketika berucap merasmikan IBC yang berharga RM68 juta di sini.

Lapangan terbang baru Chek Lap Kok di Hong Kong dan kemudahan infrastruktur berkaitan dikatakan menelan belanja AS\$20 bilion.

Dr Mahathir berkata jika tidak kerana kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan mungkin dapat membina lebih banyak kemudahan sedemikian.

Katanya IBC diperlukan semasa temasya Sukan Komanwel memandangkan negara-negara luar ingin membuat laporan berita melalui agensi penyiaran masing-masing.

"Kita berjaya menyediakan IBC dengan perbelanjaan yang agak kecil, tetapi ia dilengkapi dengan kemudahan terkini. Saya percaya ianya akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh agensi siaran antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata liputan Sukan Komanwel oleh media antarabangsa sudah tentu akan membolehkan dunia melihat kemudahan yang disediakan negara, untuk menganjurkan acara sukan kedua terbesar di dunia itu.

Sukan Komanwel akan berlangsung dari 11 hingga 21 Sept ini.

Dr Mahathir yakin Malaysia akan dapat menganjurkan Kuala Lumpur '98 dengan baik, walaupun negara belum pernah menjadi tuan rumah acara sukan yang sebegitu besar.

Menurutnya, negara bersedia menerima teguran daripada mana-mana pihak untuk meningkatkan keupayaan menjadi tuan rumah temasya sukan itu.

"Memang akan ada kecacatan dan kita tidak mungkin mencapai kejayaan 100 peratus. Apa yang perlu ialah teguran membina...dan kalau semuanya berjalan baik, kita harap mereka akan menunjukkan penghargaan kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia sanggup menanggung kos menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk liputan Sukan Komanwel, kerana ia tidak mahu mengecewakan mana-mana pihak.

Beliau berkata semestinya pihak yang bertanggungjawab menyediakan IBC mengambil kira keperluan mereka yang akan menggunakan pusat itu.

"Saya yakin mereka akan berpuas hati dengan persiapan Malaysia, dan mereka akan membuat laporan yang sebenar mengenai Kuala Lumpur '98," katanya.

IBC, yang menjadi nadi bagi semua kegiatan penyiaran semasa Sukan Komanwel, dibina di atas tapak seluas 6,600 meter persegi, dan ia beroperasi 24 jam sehari semasa temasya sukan itu.

-- BERNAMA

MAM AD RI